


## PENERANGAN AKRONIM BAHAGIAN TENAGA

Akronim	Nama Penuh
<p><b>AAIBE</b></p> <p><b>No logo</b></p>	<p><b>Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik</b>  <i>Malaysian Electricity Supply Industry Trust Account (MESITA)</i></p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada Julai 1997 sebagai satu komitmen sukarela oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Penjana-Penjana Kuasa Bebas (IPPs) di Semenanjung Malaysia. Akaun amanah ini ditadbir oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi Malaysia.</p> <p><b>Sumbangan:</b> Sebanyak 1 % dari jumlah jualan tenaga elektrik tahunan TNB dan IPPs.</p> <p><b>Tujuan:</b> Hasil dari tabungan digunakan untuk membiayai projek-projek tenaga elektrik luar bandar, pembangunan industri tenaga elektrik, program-program kecekapan tenaga, penyelidikan industri bekalan elektrik dan program-program pembangunan sumber manusia untuk industri bekalan elektrik.</p> <p>Maklumat tambahan:  <a href="http://www.ptm.org.my/AAIBE_Site/aaibe.htm">http://www.ptm.org.my/AAIBE_Site/aaibe.htm</a></p>
<p><b>ACE</b></p> <div style="text-align: center;">  </div>	<p><b>ASEAN Centre for Energy</b>  <i>Pusat Tenaga ASEAN</i></p> <p><b>Penubuhan:</b> ACE merupakan organisasi antara-kerajaan yang ditubuhkan pada 4 Januari 1999 oleh Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura dan Vietnam. ACE dipandu oleh Majlis Pentadbir yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kanan Tenaga negara ASEAN dan seorang wakil Sekretariat ASEAN.</p> <p><b>Objektif:</b> ACE berhasrat menjadi pemangkin kepada peningkatan dan perkembangan ekonomi wilayah ASEAN dengan mewujudkan, mengkoordinasi dan menjadi pemudahcara kepada aktiviti-aktiviti sewilayah dan kolektif berkenaan industri tenaga.</p> <p>Maklumat tambahan:  <a href="http://www.aseanenergy.org/ace/background.htm">http://www.aseanenergy.org/ace/background.htm</a></p>
<p><b>AEEMTRC</b></p>	<p><b>ASEAN-EC Energy Management Training and Research Centre</b></p>

**Tujuan Penubuhan:** Mengukuhkan kerjasama dalam bidang tenaga di antara negara-negara ASEAN dan di antara negara-negara ASEAN dengan European Community (EC). Kerjasama yang dijalin adalah melalui pengurusan tenaga yang berkesan untuk menjamin bekalan tenaga yang cukup demi perkembangan ekonomi dan sosial.

**Aktiviti-aktiviti:**

- Mengatur perkongsian hasil-hasil kajian berkenaan pengurusan polisi tenaga
- Menguruskan pertukaran penyelidik-penyelidik tenaga antara negara ASEAN dan EC
- Melatih pakar dan perancang tenaga ASEAN di pelbagai peringkat pengurusan
- Menyusun program latihan jangka pendek dan lawatan ke pelbagai institut tenaga dan industri di Eropah

Maklumat tambahan:

- <http://www.aseansec.org/6573.htm>  
<http://www.aseansec.org/10500.htm>

**AEMM**

**APEC Energy Ministers Meeting**  
*Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga APEC*

**Objektif:**

Menyediakan bimbingan politik untuk tindakan *Energy Working Group* (EWG) dalam melaksanakan hal-hal yang konsisten dengan matlamat Ketua-Ketua APEC.

**Senarai Mesyuarat:**

10 June 2004 Manila, Philippines	"Energy Security In APEC: Cooperation For A Sustainable Future"
23 July 2002 Mexico City, México	"Fostering Regional Energy Cooperation: Setting A Long Term Vision And Implementing Short Term Actions"
May 12, 2000 San Diego, California	"Turning Vision Into Reality"
October 9-10, 1998 Okinawa, Japan	"Energy: Driving Force For Economic Recovery And Development"
26-27 August 1997 Edmonton, Canada	"Energy: Infrastructure For Sustainable Development"
28-29 August 1996 Sydney, Australia	"Energy: Our Region, Our Future"

	<p>Maklumat tambahan:  <a href="http://www.apecenergy.org.au/welcome/activities/emm.html">http://www.apecenergy.org.au/welcome/activities/emm.html</a>  <a href="http://www.apec.org/apec/ministerial_statements/sectoral_ministerial/energy/2004_energy.html">http://www.apec.org/apec/ministerial_statements/sectoral_ministerial/energy/2004_energy.html</a></p>
<b>AFOC</b>	<p><b>ASEAN Forum on Coal</b>  <i>Forum Arang Batu ASEAN</i></p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada tahun 1999, dahulu dikenali sebagai CSN-AEC (ASEAN Coal Sub-Sector Network).</p> <p><b>Objektif:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tingkatkan Kerjasama Tenaga ASEAN dalam sektor arang batu</li> <li>• Promosikan peluang-peluang perniagaan sektor berkenaan di peringkat intra-ASEAN</li> <li>• Menggalakkan dan menguatkan peranan sektor swasta dalam industri arang batu</li> </ul> <p>Maklumat tambahan:  <a href="http://www.aseanenergy.org/energy_organisations/afoc/afoc.htm">http://www.aseanenergy.org/energy_organisations/afoc/afoc.htm</a></p>
<b>AIMS</b>	<p><b>ASEAN Interconnection Master Plan Study</b>  <i>Kajian Induk Sambungtara ASEAN (AIMS)</i></p> <p><b>Ditubuhkan:</b> April 2000 di bawah <i>Forum of Heads of ASEAN Power Utilities/Authorities</i> (HAPUA).</p> <p><b>Tujuan:</b> Menjalankan kajian rancangan induk untuk Grid Kuasa ASEAN.</p>
<b>AMEM</b>	<p><b>ASEAN Ministers on Energy Meeting</b>  <b>Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN</b></p> <p>Tujuan: Membincangkan isu-isu tenaga disamping bertindak sebagai medan untuk mempromosikan kerjasama dalam sektor tenaga.</p>
<b>APEC</b>	<p><b>Asia Pacific Economic Cooperation</b>  <b>Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada 1989 untuk meningkatkan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan, kemakmuran serantau dan untuk mengukuhkan komuniti Asia Pasifik.</p>

	<p><b>Ahli:</b> 21 buah negara; mewakili separuh dari jumlah keseluruhan perdagangan global dan 2/3 dari Keluaran Negara Kasar global. APEC merupakan satu-satunya kerjasama antara-kerajaan di dunia yang beroperasi berdasarkan komitmen-komitmen tanpa ikatan, dialog terbuka dan saling menghormati pandangan ahli-ahli.</p> <p><b>Tujuan:</b> Misi utama APEC adalah menjadikan Asia Pasifik sebuah kawasan perdagangan dan pelaburan bebas serta terbuka menjelang tahun 2010, bagi negara maju, dan menjelang 2020 bagi ahli-ahli ekonomi lain.</p>
<b>APEC EWG</b>	<p><b>APEC Energy Working Group</b> <b>Kumpulan Kerja Tenaga APEC</b></p>
<b>APEC EWG BUSINESS NETWORK</b>	<p><b>APEC Energy Working Group Business Network</b> <b>Rangkaian Perniagaan Kumpulan Kerja Tenaga APEC</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada Mac 1998 untuk menyediakan perspektif perniagaan berkenaan isu-isu tenaga yang boleh dipertimbangkan melalui proses APEC. Penglibatan Business Network dengan EWG akan dilengkapkan menerusi kerja-kerja Forum Pengawalselia Tenaga.</p> <p><b>Aktiviti:</b> Business Network dijemput untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat EWG; di mana ia akan melaporkan kepada EWG cadangan-cadangan berkenaan topik-topik di masa hadapan dan inisiatif-inisiatif terperinci.</p>
<b>APERC</b>	<p><b>Asia Pacific Energy Research Centre</b> <b>Pusat Penyelidikan Tenaga Asia Pasifik</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada Julai 1996 di Tokyo sebagai badan gabungan Institut Sains Ekonomi Tenaga Jepun (Institute of Energy Economics Japan).</p> <p><b>Objektif:</b> Meningkatkan pemahaman negara-negara anggota berkenaan bekalan tenaga, tren permintaan dan implikasi polisi-polisi tenaga.</p> <p><b>Aktiviti:</b> Menjalankan penyelidikan tenaga secara intensif di Asia Pasifik dan mewujudkan rangkaian penyelidik-penyelidik dan pakar tenaga di zon APEC melalui jalinan dengan organisasi penyelidikan tenaga antarabangsa dan serantau. Selain penyelidikan, APERC berusaha ke arah mengukuhkan program pertukaran kepakaran untuk membina kapasiti penyelidikan di kawasan APEC, dan wujud serta mengendalikan satu rangkaian fakta tenaga.</p>
<b>APERC EEI</b>	<p><b>APERC Energy Efficiency Indicators</b> <b>Penunjuk-penunjuk Kecekapan Tenaga APERC</b></p>

	<p><b>Tujuan:</b> Penunjuk-penunjuk Kecekapan Tenaga APERC diwujudkan untuk memudahkan pemahaman tentang kecekapan tenaga di ASEAN melalui analisis tiga industri penting iaitu besi dan keluli, simen dan pulpa dan kertas. Kajian dijalankan untuk mengumpul maklumat lengkap berkenaan kegunaan tenaga, membentuk satu metodologi umum mengukur kecekapan tenaga, mengenalpasti faktor-faktor utama dan faktor-faktor yang berpotensi untuk memudahkan perkembangan dalam kecekapan tenaga. APERC juga meneliti penunjuk-penunjuk makro-ekonomi dan menilai kebergunaannya.</p>
<b>APSA</b>	<p><b>ASEAN Petroleum Security Agreement Perjanjian Keselamatan Petroleum ASEAN</b></p> <p><b>Ahli:</b> APSA ditandatangani oleh kesemua Menteri-Menteri Luar ASEAN di Manila pada 24 Jun 1986, dan kemudiannya diratifikasi oleh Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja apabila mereka menyertai ASEAN.</p> <p><b>Terma:</b> Di bawah Perjanjian ini, ahli-ahli ASEAN bersetuju menubuhkan Skim Kecemasan Perkongsian Petroleum ASEAN (ASEAN Emergency Petroleum Sharing Scheme) untuk minyak mentah dan/atau hasil-hasil petroleum di masa kekurangan dan kelebihan bekalan. Secara spesifiknya, apabila terdapat ahli-ahli yang kekurangan petroleum pada tahap kritikal, ahli-ahli pengeksport minyak ASEAN akan membekalkan kuantiti minyak mentah dan/atau hasil-hasil petroleum yang diperlukan. Di masa berlakunya lebihan bekalan pula, ahli-ahli pengimport perlu membeli eksport ahli-ahli yang dalam kesulitan untuk meningkatkan tahap eksport mereka sehingga sekurang-kurangnya 80 peratus dari jumlah normal eksport.</p>
<b>ASCOPE</b>	<p><b>ASEAN Council on Petroleum Majlis Petroleum ASEAN</b></p> <p><b>Objektif:</b> Mempromosikan usaha sama dalam perkembangan sumber-sumber petroleum di kawasan ASEAN di atas dasar persamaan dan perkongsian.</p> <p><b>Aktiviti-aktiviti:</b> ASCOPE bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN, CCOP, MITI, PETRAD dan IEA dalam merancang dan melaksanakan program-program dan inisiatif-inisiatif.</p>
<b>BEI</b>	<p><b>Building Energy Index</b></p>
<b>BioGen</b>	<p><b>Projek Biomass-based Power Generation and Cogeneration in Malaysia Palm Oil Industry</b></p> <p>BioGen merupakan satu program kebangsaan penyambungan penjanaan kuasa daripada sumber biomas kelapa sawit kepada grid kebangsaan.</p> <p><b>Pembiayaan:</b> BioGen merupakan projek lima tahun yang dibiayai bersama oleh Global Environmental Facility (GEF)/United Nations Development</p>

	<p>Programme (UNDP), Kerajaan Malaysia dan sektor swasta.</p> <p><b>Pelaksanaan:</b> Projek ini dilaksanakan dalam dua fasa: Fasa 1, untuk dua tahun pertama dan Fasa 2 untuk tiga tahun berikutnya. Objektif utama projek ini adalah mengurangkan kadar pertumbuhan pelepasan Gas Rumah Hijau dari proses pembakaran bahan api dan dari sisa-sisa biomas yang tidak digunakan dengan mempercepatkan kadar pertumbuhan penjanakuasaan menggunakan biomas dan CHP.</p>
<b>BIPV</b>	<p><b>Building Integrated Photo Voltaic Pengintegrasian Voltan Foto dalam Bangunan</b></p> <p>Merupakan teknologi boleh diperbaharui yang menukarkan tenaga matahari kepada tenaga elektrik. Kelebihan teknologi BIPV adalah kebolehannya menjadi muka bangunan disamping berfungsi sebagai teknologi yang menghasilkan tenaga. Ini menjimatkan kos kerana berkurangnya keperluan untuk penyalutan lain pada bangunan. Namun, pendekatan menyeluruh dalam rekaan bangunan diperlukan berikutan penggunaan pelbagai sistem tenaga dalam bangunan dan interaksi sesama mereka.</p>
<b>CDM</b>	<p><b>Clean Development Mechanism</b></p> <p>CDM merupakan salah satu dari tiga mekanisma yang diwujudkan di bawah Protokol Kyoto untuk menangani isu pelepasan gas rumah kaca yang menyebabkan perubahan iklim. CDM telah diperjelaskan dalam Artikel 12 Protokol Kyoto (KP) di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim (UNFCC).</p> <p><b>Objektif:</b> Membantu ahli dikalangan negara-negara membangun mencapai pembangunan secara lestari dan membantu negara-negara maju untuk memenuhi komitmen terhadap had dan pengurangan pelepasan gas-gas rumah kaca sebagaimana yang ditetapkan di Konvensyen UNFCC iaitu sekurang-kurangnya 5% dari paras tahun 1990 sehingga tempoh 2008-2012.</p>
<b>CETDEM</b>	<p><b>Centre for Environment, Technology and Development Malaysia</b> Pusat Alam Sekitar, Teknologi dan Pembangunan Malaysia</p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada tahun 1985 dan merupakan satu-satunya badan bukan kerajaan di Malaysia yang mengutarakan pelbagai isu alam sekitar seperti impak jangka panjang perubahan cuaca kepada masyarakat Malaysia, pengkalan tenaga, pengkalan kenderaan dan perladangan organik</p>
<b>CETREE</b>	<p><b>Centre for Education and Training in Renewable Energy and Energy Efficiency</b> Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga</p>

	<p><b>Penubuhan:</b> CETREE adalah projek kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan Denmark melalui <i>Danish International Development Agency (DANIDA)</i>.</p> <p><b>Objektif:</b> Projek bernilai RM 5 juta ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang peranan dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui (RE) dan kecekapan tenaga (EE) ke dalam pendidikan negara. Melalui projek ini, konsep RE &amp; EE akan dapat diserap kedalam aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum sekolah dan universiti.</p> <p><b>Kepentingan:</b> CETREE memaklumkan dan meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang usaha-usaha kerajaan dalam mengurangkan penggantungan kepada bahan api fosil sebagai sumber tenaga disamping usaha untuk meningkatkan kualiti alam sekitar. Skop aktiviti CETREE terbahagi kepada enam iaitu sekolah, universiti, professional, awam, pameran bergerak dan laman web.</p>
<p><b>CHP</b></p>	<p><b>Combined Heat &amp; Power (or Cogeneration)</b></p> <p>Merupakan penghasilan haba dan tenaga secara serentak dalam satu proses termodinamik. Kaedah ini mengurangkan penggunaan bahan api, maka ia merupakan faktor signifikan dalam meningkatkan kualiti alam sekitar global.</p> <p><b>Proses dan Aplikasi:</b> CHP meliputi beberapa proses termodinamik melibatkan penghasilan haba dan tenaga, walaupun setiap proses berbeza, ia kerap disatukan untuk memaksimumkan penghasilan tenaga dalam satu sistem termodinamik. Aplikasi ekonomi CHP bermakna menguruskan dan menjadualkan permintaan terhadap tenaga haba dan tenaga elektrik secara serentak. Untuk menjadi efektif, ini memerlukan penyimpanan tenaga termal ataupun penjualan tenaga elektrik yang berlebihan kepada grid kebangsaan. Sistem ini digunakan di negara-negara yang mahal harga tenaga elektriknya, dan di mana penggunaan cekap bahan api boleh dijalankan. Penggunaan CHP adalah digalakkan apabila wujud keperluan yang serentak terhadap haba dan tenaga ataupun apabila wujud keperluan bekalan tenaga yang berterusan.</p>
<p><b>DANCED</b></p>	<p><b>Danish Cooperation for Environment and Development</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada tahun 1994 sebagai bantuan dari Denmark kepada negara-negara sedang membangun untuk meningkatkan mutu alam sekitar.</p> <p><b>Fokus:</b> Menggalak dan mempromosikan penggunaan sumber asli dan pemeliharaan alam sekitar dan mencegah serta menghadkan pencemaran air, udara dan tanah. Di Malaysia, bantuan DANCED digunakan untuk projek peningkatan kualiti alam sekitar di bandar-bandar, menjaga dan mempromosi pengekalan fungsi-fungsi hutan, meningkatkan perancangan dan pengurusan air dan pantai serta menjaga kepelbagaian biologi.</p>

<p><b>DSM</b></p>	<p><b>Demand Side Management</b></p> <p>"Demand-side management" (DSM) means modifying energy use to maximize energy efficiency. In contrast to "supply-side" strategies, which increase energy supplies (by building new power plants, for example), DSM strives to get the most out of existing energy resources, whether electric or gas. DSM involves consumers' changing their energy use habits and using energy-efficient appliances, equipment, and buildings.</p> <p>DSM bermaksud mengubah suai penggunaan tenaga untuk memaksimumkan kecekapan tenaga. Berbeza dengan strategi "<i>supply-side</i>" yang menambah bekalan tenaga (contohnya membina loji-loji kuasa baru), DSM berusaha mendapatkan sebanyak mungkin tenaga dari sumber-sumber yang sudah pun wujud, sama ada elektrik ataupun gas. DSM melibatkan pengguna menukar tabiat penggunaan tenaga mereka dan menggunakan peralatan-peralatan, perkakas dan bangunan berkecekapan tenaga. cekap tenaga</p> <p><b>Maksud:</b> Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti utiliti yang direkabentuk untuk mempengaruhi penggunaan tenaga elektrik pelanggan kepada cara-cara yang akan membawa ke perubahan yang diinginkan dalam bentuk beban (load shape).</p> <p><b>Objektif:</b> Memastikan pembangunan sektor tenaga yang mampan melalui peningkatan kecekapan penggunaan akhir tenaga serta meningkatkan kapasiti dalam merancang dan melaksanakan program DSM berdasarkan prinsip keberkesanan kos bagi setiap aktiviti.</p> <p><b>Fokus:</b> Program-program oleh utiliti gas dan tenaga elektrik yang dapat membantu pelanggan menjimatkan tenaga melalui penggalakan dan pelaksanaan langkah-langkah kecekapan tenaga.</p> <p><b>Program:</b> Antara program paling popular ialah <i>rebate</i> yang mengurangkan kos peralatan-peralatan berkecekapan tenaga. Program DSM juga berusaha menggalakkan seberapa ramai pelanggan menukar beban kerja mereka dari sebelah siang ke sebelah malam, kerana kadar tenaga elektrik pada waktu siang paling mahal untuk utiliti menjana elektrik. Projek DSM di Malaysia adalah kerjasama Kerajaan Malaysia dengan Denmark melalui DANIDA. Projek ini berjalan selama 3 tahun bermula Februari 2002 dan dijangka berakhir pada Januari 2005. Agensi pelaksana bagi projek ini ialah Suruhanjaya Tenaga (ST).</p>
<p><b>EAGB</b></p>	<p><b>Energy Audit in Government Building</b>  <b>Projek Pengauditan Tenaga di Bangunan-bangunan Kerajaan</b></p> <p><b>Objektif:</b> Mewujudkan kesedaran dan menyebarkan maklumat berkaitan kecekapan tenaga kepada organisasi-organisasi kerajaan. Ia juga bertindak sebagai pakej permulaan untuk perkembangan kecekapan tenaga di Malaysia.</p>

	<p><b>Pembiayaan:</b> Dibiayai oleh Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESITA) dengan nilai RM 5 juta.</p> <p>Pengauditan tenaga dijalankan berdasarkan '<i>Guidelines for Energy Audit in Commercial Buildings</i>' iaitu satu garis petunjuk yang disediakan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Perkhidmatan Tenaga (MAESCO) dengan matlamat menstandardkan prosedur pengauditan tenaga di bangunan-bangunan komersil.</p>
<p><b>EATF</b></p>	<p><b>-ASEAN Task Force Pasukan Petugas e-ASEAN</b></p> <p>Penubuhan: EATF diwujudkan pada tahun 1999 sebagai membangunkan pelan tindakan komprehensif untuk ASEAN e-space dan meningkatkan kecekapan ASEAN untuk bersaing dalam ekonomi maklumat secara global. Pasukan Petugas e-ASEAN merupakan satu-satunya badan penasihat kepada ASEAN yang di anggotai oleh wakil-wakil dari sektor awam dan sektor swasta negara-negara ASEAN, sebagai penghargaan kepada kepentingan sektor swasta dalam membangunkan ekonomi maklumat di Asia Tenggara.</p>
<p><b>EAWG</b></p>	<p><b>e-ASEAN Working Group Kumpulan Kerja e-ASEAN</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Hasil penstrukturan semula <i>Working Group on the ASEAN Information Infrastructure</i> (WGII). Ahli-ahli EAWG mendapat mandat untuk melaksanakan projek e-ASEAN disamping mengendalikan projek dan cadangan seperti yang di pandu oleh EATF.</p> <p><b>Objektif:</b> Mengkoordinasi pembentukan undang-undang dan peraturan e-dagang di ASEAN</p> <p><b>Aktiviti:</b> Menasihati, melapor, memberi maklumbalas dan membantu EATF dalam hal-hal pelaksanaan inisiatif e-ASEAN di samping bertanggungjawab kepada SEOM. Untuk mempromosikan komuniti e-ASEAN, setiap negara anggota EAWG berusaha memastikan rakyat masing-masing didedahkan kepada ilmu IT melalui pembelajaran formal, latihan profesional dan institusi-institusi pengajian komuniti. Di samping itu, negara anggota EAWG yang berkepakaran dalam kemudahan latihan IT akan memberikan bantuan teknikal kepada negara anggota yang kurang maju.</p>
<p><b>EE</b></p>	<p><b>Energy Efficiency Kecekapan Tenaga</b></p> <p>Kecekapan tenaga meliputi semua perubahan yang terhasil akibat mengurangkan jumlah tenaga yang digunakan untuk menghasilkan satu unit aktiviti ekonomi atau untuk memenuhi keperluan tenaga pada satu tahap</p>

	<p>keselesaian. Ia bermaksud menggunakan tenaga elektrik dengan bijak untuk menjalankan sesuatu tugas, sama ada di rumah atau di tempat kerja. Kecekapan tenaga berkait rapat dengan dengan kecekapan ekonomi dan ia meliputi perubahan-perubahan teknologi, tingkahlaku dan ekonomi. Kecekapan tenaga penting kerana ia menjimatkan bahan api fosil, memelihara alam sekitar, memperbaiki rizab asing negara dan menjimatkan wang atas tenaga tidak 'terbuang'.</p>
<b>EE&amp;C-SSN</b>	<p><b>Energy Efficiency &amp; Conservation Sub-Sector Network</b>  <b>Rangkaian Sub-sektor bagi Kecekapan dan Penjimatan Tenaga</b></p> <p>Aktiviti EE&amp;C-SSN meliputi penubuhan Sistem Standard dan Pelabelan ASEAN EE&amp;C untuk barangan elektrik seperti balast magnet, peti sejuk dan penyaman udara. EE &amp; C-SSN juga mempromosikan enjin yang berkecekapan tinggi, membina prosedur dan garis panduan audit tenaga untuk industri dan bangunan serta Sistem Penanda Arasan Kecekapan dan Penjimatan tenaga Berasaskan web (Web-based EE&amp;C Benchmarking) untuk bangunan-bangunan di ASEAN.</p>
<b>EMP</b>	<p><b>ENERGY MANAGEMENT PLAN</b>  <b>PELAN PENGURUSAN TENAGA</b></p> <p>EMP merupakan satu pendekatan sistematik untuk mencapai penggunaan tenaga yang paling efisien dan efektif dalam pengoperasian sehari-hari. Ia melibatkan penganalisaan tren penggunaan masa dahulu, mengenalpasti kawasan penggunaan tenaga paling banyak dan pelaksanaan tatacara untuk mengurangkan pembaziran di samping meningkatkan kecekapan.</p>
<b>ESCO</b>	<p><b>Energy Services Company</b>  <b>Syarikat Perkhidmatan Tenaga</b></p> <p>ESCO menawarkan pelbagai khidmat dalam bidang pengurusan tenaga, dari penilaian permulaan hinggalah ke kajian-kajian kebolehlaksanaan. ESCO juga terlibat dalam pembinaan dan pelaksanaan projek, disamping mengatur kewangan dan memantau kelancaran proses-proses dan alatan. Selain itu, ESCO berkongsi risiko-risiko berkaitan dengan projek-projek kecekapan tenaga di samping menjadi pemudahcara kepada interaksi pelbagai pihak yang terlibat dalam sesuatu projek.</p>
<b>ESSPA</b>	<p><b>Energy Security Planning for ASEAN</b>  <b>Rancangan Keselamatan Tenaga ASEAN</b></p>
<b>EWG</b>	<p><b>Energy Working Group</b>  Kumpulan kerja Tenaga</p>

	<p>Ahli-ahli EWG bertemu dua kali setahun untuk berkongsi maklumat tentang perkembangan terkini sektor tenaga dan untuk mempertimbangkan perkembangan projek-projek dan inisiatif terbaru.</p>
<b>GAP</b>	<p><b>Green Aid Plan Pelan Bantuan Hijau</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun pada tahun 1992 sebagai mekanisma pertukaran dan penyebaran teknologi berkenaan alam sekitar dan tenaga kepada negara-negara membangun.</p> <p><b>Tujuan:</b> GAP bersifat bantuan dan ia digunakan untuk membiayai kajian-kajian tinjauan, program pembinaan sumber manusia, projek penyelidikan dan inisiatif pengesahan teknologi. Melalui GAP, negara Jepun dan negara tuan rumah akan menilai keadaan alam sekitar untuk mengenalpasti jenis bantuan yang akan dipertimbangkan.</p> <p><b>Penyelarasan:</b> Secara amnya GAP diselaraskan oleh Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO), manakala di Malaysia, organisasi yang bertanggungjawab terhadap GAP adalah Unit Perancangan Ekonomi (EPU). Projek-projek yang dibiayai oleh GAP berada dalam lingkungan antara USD1 juta hingga USD100 juta.</p>
<b>GEF</b>	<p><b>Global Environmental Facility Kemudahan Alam Sekitar Global</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada tahun 1991 untuk membantu negara sedang membangun membiayai pojek-projek dan program yang melindungi alam sekitar global.</p> <p><b>Tujuan:</b> Bantuan GEF membiayai projek berkaitan kepelbagaianbio, perubahan cuaca, perairan antarabangsa, degradasi tanah, lapisan ozon dan pencemaran organik yang berlarutan.</p>
<b>HAPUA</b>	<p><b>Heads of ASEAN Power Utilities/Authorities Ketua bagi Pihak Berkuasa/Utiliti Tenaga ASEAN</b></p> <p><b>Tujuan:</b> Berperanan utama dalam pelaksanaan projek Grid Tenaga ASEAN.</p> <p>Mesyuarat AMEM telah bersetuju bahawa projek Grid Tenaga ASEAN ini akan menyediakan faedah dan peluang untuk pertukaran dan perdagangan tenaga elektrik di kalangan anggota ASEAN. Disamping itu, ia menekankan kepada keperluan penyediaan Kajian Induk Sambungtara ASEAN (AIMS), penggubalan dasar penyambungan tenaga dan dagangan tenaga elektrik serta menyediakan draf perjanjian kerjasama ASEAN mengenai dasar dan pelaksanaan projek ini</p>

<b>EA</b>	<p><b>International Energy Agency Agensi Tenaga Antarabangsa</b></p> <p>IEA merupakan forum tenaga untuk 26 negara yang bersetuju untuk bekerjasama dalam mencapai bekalan minyak kecemasan. Masing-masing telah bersetuju untuk berkongsi maklumat berkaitan tenaga, mengkoordinasi polisi-polisi tenaga dan bekerjasama dalam pembangunan program-program berkenaan tenaga yang rasional.</p>
<b>IGSO</b>	<p><b>Independent Grid System Operator</b></p>
<b>IPP</b>	<p><b>Independent Power Producer</b></p> <p>IPP merupakan kemudahan penghasilan kuasa yang bukan sebahagian dari utiliti teratur.</p>
<b>IRP</b>	<p><b>Integrated Resource Planning Perancangan Sumber Bersepadu</b></p> <p><b>Tujuan:</b> Supaya utiliti-utiliti dapat meramal permintaan tenaga dan menganalisa cara-cara untuk memenuhinya. Dalam IRP, sekumpulan penasihat yang diwakili oleh perniagaan, kerajaan, pengatur tenaga, pengguna, ahli kaji persekitaran, dan pemegang saham bekerjasama dengan perancang HECO dan jurutera-jurutera. Dalam meramal permintaan tenaga, faktor-faktor yang diambil kira termasuklah pertumbuhan penduduk, budaya, cara hidup, ekonomi, alam sekitar, teknologi tenaga sedia ada dan beberapa faktor lain dalam meramal permintaan tenaga.</p>
<b>JBEG</b>	<p><b>Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas</b></p> <p><b>Penubuhan:</b></p> <p><b>Tujuan:</b> Menentukan pembekalan dan penggunaan tenaga elektrik dan gas adalah terjamin, ekonomik dan selamat.</p> <p><b>Matlamat:</b> Mengawalselia perkhidmatan membekal elektrik dan gas oleh pemegang lesen termasuk menentukan standard prestasi dan standard kemudahan dan perkhidmatan dan penguatkuasaannya. JBEG juga bermatlamat menjaga kepentingan pengguna-pengguna elektrik dan gas dengan memastikan bekalan yang mencukupi dan berterusan, kualiti perkhidmatan bekalan elektrik dan gas yang disediakan dan harga berpatutan. Pada masa yang sama, JBEG bertanggungjawab memastikan bekalan tenaga</p>

	<p>elektrik adalah mencukupi untuk pembangunan ekonomi negara.</p>
<b>JETRO</b>	<p><b>Japan External Trade Organisation Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada tahun 1958 oleh Kerajaan Jepun sebagai organisasi utama kerajaan Jepun yang akan melaksanakan polisi-polisi perdagangan secara komprehensif dan yang akan berusaha menggalakkan pasaran asing ke dalam Jepun.</p> <p>JETRO menyokong perusahaan kecil dan sederhana Jepun berkaitan hal-hwal dan aktiviti perdagangan antarabangsa dan pelaburan, supaya dapat merangsang ekonomi Asia Timur dan global.</p>
<b>JODE</b>	<p><b>Joint Oil Data Exercise</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Ia telah dilancarkan dengan kerjasama enam pertubuhan antarabangsa: International Energy Agency (IEA), APEC, European Statistics (Eurostat), Organizacion Latino Americana de Energia (OLADE), OPEC, UN dan OECD.</p> <p><b>Objektif:</b> Memperbaiki mutu data minyak sebagai langkah untuk mengurangkan turun naik harga minyak yang mendadak, seperti di akhir tahun 90-an. Sebanyak 50 negara anggota dari pertubuhan-pertubuhan diatas telah bersetuju untuk menyertai usaha; masing-masing membekalkan data minyak negara untuk jangka masa enam bulan. Malaysia juga telah menyertai usaha ini dan KTAK dengan kerjasama PETRONAS, Jabatan Statistik dan Pusat Tenaga Malaysia telah membekalkan data yang diperlukan bermula bulan Jun 2002.</p>
<b>JPPPET</b>	<p><b>Jawatankuasa Perancangan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik Dan Tarif</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Untuk membantu dalam aktiviti perancangan dan pelaksanaan sistem pembekalan elektrik negara dan penentuan tariff elektrik. JPPPET akan mengesyorkan kepada Jemaah Menteri, melalui KTAK, rancangan sistem bekalan elektrik bagi jangka masa pendek, jangka masa panjang dan pindaan-pindaan tariff elektrik pada masa hadapan.</p>
<b>LEO BUILDING</b>	<p><b>Low Energy Office (LEO) Building</b></p> <p>Bangunan LEO KTAK merupakan bangunan pertama kerajaan bercirikan kecekapan tenaga dan ia menjadi model kepada pembinaan bangunan-bangunan lain seumpamanya di Malaysia. KTAK telah dibantu oleh DANIDA dalam mendapatkan input-input untuk merekabentuk bangunan disamping penyediaan spesifikasi tender bagi komponen kecekapan tenaga kepada Putajaya Holdings seperti senarai peralatan elektrik cekap tenaga, reka bentuk sistem mekanik dan elektrik, sistem lampu, sistem penyejukan, sistem</p>

	pengudaraan dan juga sistem pengurusan tenaga.
<b>MAESCO</b>	<p><b>Malaysian Association of Energy Service Companies Persatuan Syarikat-Syarikat Perkhidmatan Tenaga Malaysia</b></p> <p>MAESCO merupakan organisasi penaung kepada syarikat-syarikat perkhidmatan tenaga di Malaysia.</p>
<b>MIEEIP</b>	<p><b>Malaysian Industrial Energy Efficiency Improvement Program Projek Peningkatan Kecekapan Tenaga Industri Malaysia</b></p> <p>MIEEIP merupakan projek kecekapan dan pemuliharaan tenaga dalam sektor industri di Malaysia, memandangkan sektor perindustrian merupakan penyumbang terbesar kepada penghasilan gas rumah hijau di Malaysia.</p> <p><b>Objektif:</b> Mempertingkatkan kecekapan tenaga sehingga 10 peratus menjelang tahun 2004.</p> <p><b>Pembiayaan:</b> MIEEIP menelan belanja sebanyak RM80 juta dan ia dibiayai bersama oleh Kerajaan Malaysia, Global Environmental Facility (GEF)/United Nations Development Program dan sektor swasta di Malaysia, melalui Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE). KTAK bertindak sebagai agensi penaung manakala Pusat tenaga Malaysia (PTM) menjadi agensi pelaksana projek ini.</p>
<b>NEDO</b>	<p><b>New Energy and Industrial Technology Development Organization</b></p> <p><b>Penubuhan:</b> Pada tahun 1980 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun. Ia berfungsi sebagai organisasi separa kerajaan yang membantu dalam mempromosikan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang tenaga dan teknologi industri praktikal di Jepun.</p> <p><b>Aktiviti-aktiviti:</b> Termasuklah melaksanakan projek-projek pembangunan dan mempromosikan tenaga baru dan teknologi.</p>
<b>NEF</b>	<p><b>New Energy Foundation</b></p> <p>NEF telah ditubuhkan sebagai pertubuhan- bukan- untung pada September 1998, sejurus selepas dua krisis minyak. Aktiviti-aktiviti NEF dijalankan dengan kerjasama pembekal-pembekal tenaga seperti pembekal tenaga elektrik dan pembekal gas, dan beberapa perusahaan yang berkaitan dengan teknolog-teknologi baru tenaga. NEF bertanggungjawab untuk menjalankan kajiselidik, penyelidikan dan memperkenalkan serta menyebarkan penggunaan tenaga baru, tenaga asli dan tenaga-tenaga lain yang masih belum digunakan. NEF menjalankan kesemua aktiviti ini secara perhubungan berbilang hala dengan organisasi-organisasi kerajaan dan swasta serta dengan perusahaan-perusahaan berkaitan. Matlamat NEF adalah</p>

	menyumbang kepada pembangunan industri-industri tenaga dan ekonomi serantau, dan untuk menjamin bekalan tenaga yang mencukupi di Jepun.
<b>NON-GEO</b>	<b>Non-Geo- Stationary Satellite</b>  LEO MEO
<b>NRSE</b>	<b>New Renewable Sources of Energy</b>
<b>NRSE-SSN</b>	<b>New &amp; Renewable Sources of Energy Sub Sector Network</b> <b>Rangkaian Sub-sektor bagi Sumber Tenaga Baru dan Tenaga yang boleh Diperbaharui</b>
<b>ODA</b>	<b>Official Development Assistance</b>  ODA merupakan dana di bawah Japan Bank For International Cooperation (JBIC) yang membantu pembangunan projek-projek sosial di negara-negara membangun dengan syarat-syarat konsesi. Pembiayaan ODA disasarkan kepada infrastruktur sosio ekonomi seperti tenaga, pengabdian tenaga, gas, pengangkutan, telekomunikasi dan pertanian. ODA secara dasarnya boleh dibahagikan kepada bilateral dan multilateral. ODA bilateral merujuk kepada geran bilateral dan pinjaman. ODA multilateral pula terdiri dari sumbangan-sumbangan dan langganan kepada institusi-institusi multilateral. Pinjaman ODA layak digunakan untuk membiayai kos-kos pelaksanaan projek (kemudahan, peralatan, kerja sivil dan khidmat konsultan), pinjaman khidmat kejuruteraan (pembiayaan kos-kos sebelum permulaan projek seperti pembentukan projek dan kerja-kerja persediaan tender) dan pinjaman perantara- kewangan.
<b>OPEC</b>	<b>Organization of Petroleum Exporting Countries</b>  OPEC merupakan pertubuhan yang dianggotai oleh sebelas negara-negara membangun yang bergantung kepada hasil minyak sebagai sumber utama pendapatan negara mereka. Keahlian dibuka kepada mana-mana negara yang mengeksport minyak dalam kuantiti yang banyak dan yang menyokong ideal pertubuhan ini. Negara-negara anggota OPEC buat masa ini adalah Algeria, Indonesia, Iran, Iraq, Kuwait, Libya, Nigeria, Qatar, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu dan Venezuela.
<b>PDA 1974</b>	<b>Petroleum Development Act 1974</b>

	<p>Akta ini adalah untuk menyelia sektor-sektor <i>upstream</i> dan <i>downstream</i> industri petroleum. Sektor-sektor <i>upstream</i> meliputi penjelajahan dan pengekstrakan minyak mentah. Sektor <i>downstream</i> meliputi aktiviti penghasilan, pengagihan dan pemasaran produk-produk petroleum dan diseliakan oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.</p>
<b>PROMECC</b>	
<b>PSC</b>	<b>Production-sharing Contract</b>
<b>PTM</b>	<p><b>Pusat Tenaga Malaysia</b></p> <p>PTM telah didaftarkan pada 12 Mei 1998 sebagai sebuah syarikat bukan untung yang ditadbir oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. PTM ditubuhkan untuk memenuhi keperluan nasional terhadap sebuah pusat kajian tenaga yang bertanggungjawab menyelenggara aktiviti berkaitan pengurusan tenaga dan penyelidikan tenaga negara. Antara objektif PTM adalah menjadi penasihat kepada Kerajaan dan sektor swasta berkenaan pembangunan industri tenaga nasional, menjalankan penilaian yang komprehensif dan berterusan ke atas sumber-sumber tenaga nasional, dan menjadi pusat paling utama pengendalian aktiviti-aktiviti penyelidikan tenaga di Malaysia di samping menjalinkan hubungan baik dengan pelbagai organisasi tenaga di dalam dan di luar negara.</p>
<b>RE</b>	<p><b>Renewable Energy</b></p> <p>RE atau tenaga boleh diperbaharui merupakan tenaga yang boleh dihasilkan secara berterusan. Sumber tenaga boleh diperbaharui termasuklah suria, geoterma, angin, air, sel bahan api dan bahan api alternatif.</p> <p>Tenaga suria melibatkan pertukaran tenaga matahari kepada tenaga elektrik atau haba. Ia terdiri dari sistem pasif dan aktif. Dalam sistem pasif, matahari memanaskan rumah atau cecair (air) dan ini menjimatkan 50 - 70% kos pemanasan dan penyejukan. Dalam sistem aktif pula, peralatan elektrik dipanggil sel menukarkan tenaga matahari kepada tenaga elektrik.</p> <p>Tenaga <i>Geo</i> (bumi) <i>terma</i> (haba) merupakan sumber tenaga yang bersih (ia tidak menghasilkan gas rumah hijau) yang paling kurang digunakan walaupun ia boleh didapati dalam kuantiti yang banyak. Geoterma juga merupakan tenaga yang boleh dipercayai dan boleh ditemui di negara sendiri (mengurangkan persandaran pada minyak asing). Sumber geoterma boleh didapati dari air panas dan batu beberapa kilometer di bawah permukaan bumi, sehinggalah lebih jauh ke suhu amat tinggi batu lebur dipanggil magna.</p> <p>Tenaga angin menerangkan proses di mana angin digunakan untuk menjana kuasa mekanikal atau tenaga elektrik. Turbin angin menukarkan tenaga kinetik dalam angin kepada kuasa mekanikal. Kuasa mekanikal ini boleh digunakan untuk pelbagai tugasan (seperti mengisar bijirin atau mengepam</p>

	<p>air) atau jenerator boleh menukarkan kuasa mekanikal ini kepada kuasa elektrik untuk dibekalkan ke rumah-rumah dan perniagaan. Tenaga angin adalah percuma, bersih, tidak mencemar dan tidak akan mengalami putus bekalan.</p> <p>Air merupakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui apabila ia bergerak menuruni bukit. Sejak berkurun, air telah disalurkan ke dalam empangan dan digunakan untuk menjana tenaga elektrik. Air merupakan sumber tenaga yang sudah difahami, namun ia mewujudkan beberapa masalah alam sekitar contohnya berkaitan penghijrahan ikan-ikan dll.</p> <p>Sel Bahan api</p> <p>Sel bahan api merupakan unit-unit yang menggunakan tindak balas kimia untuk menghasilkan tenaga. Sel bahan api menggunakan tindak balas gas hydrogen dan gas oksigen untuk menghasilkan air dan menjana haba. Haba ini kemudiannya ditukarkan ke bentuk tenaga elektrik. Sel bahan api adalah efisien, tidak bising, bebas-pembakaran, tidak mencemarkan alam dan sesuai diletakkan di kawasan luar bandar.</p> <p>Bahan api alternatif melibatkan penggunaan tumbuh-tumbuhan sebagai sumber tenaga. Biodiesel adalah bahan api yang menggunakan kekacang soya, sisa lemak, minyak dan gris untuk menukarkan produk-produk tersebut secara biologi kepada bahan api yang seumpama diesel, namun kurang mencemarkan alam. Biodiesel boleh digunakan dalam kenderaan menggunakan diesel biasa, dan kebiasaannya biodiesel dicampurkan 20% biodiesel kepada 80% diesel biasa. Etanol dihasilkan dari tindak balas biologi menggunakan jagung dan kebiasaannya digunakan sebagai bahan tambahan kepada gasoline untuk mewujudkan penjana oksigen yang lebih baik apabila bahanapi dibakar, maka dengan ini mengurangkan pencemaran.</p>
<p><b>SCORE</b></p>	<p><b>Special Committee on Renewable Energy</b></p> <p>SCORE telah ditubuhkan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk mengkoordinasi pelaksanaan program SREP dan pembangunan tenaga boleh diperbaharui sebagai sumber bahan api ke-5 Malaysia. SCORE telah bersetuju atas garis panduan berikut untuk mempromosikan pembangunan stesyen janakuasa tenaga boleh diperbaharui small grid connected:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SREP akan apply /merujuk kepada semua jenis sumber tenaga boleh diperbaharui: biomas, sisa perbandaran, hidro mini dan angin.</li> <li>• Pemaju-pemaju projek perlu berunding secara terus dengan utility terbabit berkenaan semua perkara berkaitan kepada REPA, termasuk harga jualan atas dasar “willing-seller, willing buyer” dan “take and pay”.</li> <li>• REEPS akan bertanggungjawab atas semua kos penyambungan grid, penguatkuasaan sistem utiliti yang berkaitan (kabel elektrik, transformer, peralatan susi dan alat-alat keselamatan lain) dan</li> </ul>

	<p>pemasangan meter yang diperlukan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjanaan kuasa melalui teknologi penjanaan bersama akan diberikan keutamaan.</li> </ul>
<b>SESB</b>	<p><b>Sabah Electricity Sdn Bhd</b></p> <p>SESB dahulunya dikenali sebagai Lembaga Letrik Sabah (LLS), sebelum diswastakan pada 1 September 1998. SESB menjana, menghantar dan mengedar tenaga elektrik. Ia merupakan satu-satunya syarikat utiliti tenaga di Sabah yang membekalkan tenaga elektrik kepada 290,412 orang pelanggan di lingkungan kawasan seluas 74,000 km persegi. 83 % dari pelanggan SESB merupakan pelanggan domestik, yang menyumbang 34% dari jumlah jualan. Jumlah keupayaan penjanaan SESB ialah 785MW, dimana 64% dari unit-unit penjanaan dibeli dari Penjana Kuasa Bebas.</p>
<b>SOME</b>	<p><b>Senior Officials Meeting on Energy</b> <b>Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan mengenai Tenaga</b></p>
<b>SOME + 3</b>	<p><b>Senior Officials Meeting on Energy plus China, Japan and Korea</b> <b>Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan mengenai Tenaga China, Jepun dan Korea</b></p>
<b>SREP</b>	<p><b>Small Renewable Energy Power Programme</b> <b>Program Pembangunan Jana Kuasa Kecil Tenaga yang Boleh Diperbaharui</b></p> <p>SREP telah dilancarkan pada 11 Mei 2001. Ia merupakan antara usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE) untuk menjana elektrik. Melalui program ini, janakuasa-janakuasa kecil yang menggunakan sumber tenaga RE boleh memohon untuk menjual elektrik kepada utiliti melalui Sistem Grid Pengagihan. Dari segi perjanjian pembelian, pengusaha-pengusaha di bawah projek ini dibenarkan berunding secara terus dengan pihak utiliti, termasuk dari aspek harga jualan, berdasarkan konsep 'willing-seller' dan 'take and pay'. Penggunaan semua jenis sumber RE, termasuk biomas, biogas, sisa perbandaran, solar, hidro mini dan angin adalah dibenarkan di bawah program ini. Jawatankuasa Khas Program SREP telah diwujudkan di KTAK bagi menyelaras pelaksanaan strategi kerajaan untuk mempertingkatkan pembangunan RE sebagai sumber tenaga ke-5 negara.</p>
<b>ST</b>	<p><b>Suruhanjaya Tenaga</b></p> <p>ST telah beroperasi secara rasminya pada 2 Januari 2002 sebagai agensi kawal atur untuk industri-industri bekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di</p>

	<p>Malaysia. Antara peranan-peranan ST adalah menjadi pengatur teknikal, perkhidmatan, prestasi dan ekonomi untuk industri bekalan elektrik dan gas negara, sebagai pengawal atur keselamatan untuk tenaga eletrik dan gas, mempromosikan kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui, mempromosikan penyelidikan dan pembangunan dalam penghasilan, pembekalan dan penggunaan tenaga elektrik dan gas di samping menjadi penasihat kepada Menteri dalam hal-hal berkaitan tenaga elektrik dan bekalan gas.</p>
<p><b>TAGP</b></p>	<p><b>Trans-ASEAN Gas Pipeline</b>  <b><u>Talian Paip Trans-ASEAN</u></b></p> <p>TAGP diwujudkan untuk menubuhkan perjanjian saling sambung untuk tenaga elektrik dan gas asli dalam ASEAN melalui Grid Tenaga ASEAN dan Talian Paip Trans-ASEAN (TAGP). Pada 1998, Pelan Tindakan Hanoi telah bersetuju atas penubuhan polisi rangka kerja menjelang 2004 untuk melaksanakan satu Rangkaian Tenaga Trans-ASEAN merangkumi Grid Tenaga ASEAN dan projek TAGP. TAGP <u>mengimpikan</u> satu proses <u>evolutionary</u> yang dibina atas grid-grid kebangsaan sedia ada dan hubungan talian paip bilateral untuk memastikan <u>keselamatan</u> bekalan gas pada harga gas yang kompetitif kepada bahanapi alternatif sesama negara anggota.</p> <p>Memorandum persefahaman (MoU) berkenaan pembinaan talian paip trans-ASEAN sehingga tahun 2010 telah ditandatangani oleh sepuluh Menteri-menteri Tenaga di AMEM di Bali. Di bawah MoU, talian paip sepanjang 4,200 km dibina pada kos US 7 billion dengan tujuh sistem disambungkan kepada <u>padang minyak oilfield</u> Vietnam, Filipina, Sumatra dan kepulauan Kalimantan Indonesia, Malaysia dan Teluk Thailand. Majlis Minyak dan Gas ASEAN yang bertanggungjawab terhadap projek TAGP akan membentuk majlis Konsultasi Gas unutm menjalankan penyelidikan atas pelaksanaan projek, terutama berkenaan pembinaan talian pain merentasi perairan antarabangsa dan memastikan</p> <p>The ASEAN Oil and Gas Council in charge of the project will set up an ASEAN Gas Consultancy Council to conduct research on the implementation of the project, especially building the pipeline running through international waters as well as ensuring gas supply, distribution and transportation, Huan added. The MoU is scheduled to be submitted to the ASEAN governments for approval before the end of this year. (VNA)</p>
<p><b>UN</b></p>	<p><b>United Nations</b>  <b><u>Pertubuhan Badan-badan Bersatu</u></b></p> <p>UN telah ditubuhkan secara rasminya pada 24 Oktober 1945 apabila Charter PBB disahkan oleh China, Perancis, Soviet Bersatu, United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara-negara penandatangan utama lain. Charter PBB merupakan instrumen perlembagaan PBB yang menetapkan hak dan</p>

	<p>tanggung negara-negara ahli, dan menetapkan organ serta prosedur Pertubuhan tersebut. Tujuan utama PBB adalah memelihara keselamatan dan ketenteraman antarabangsa; menjalinkan persahabatan antara negara; memupuk hormat untuk hak-hak kemanusiaan dan kebebasan asasi dan bekerjasama dalam hal-hal ekonomi antarabangsa, masalah sosiobudaya dan kemanusiaan, dan sebagai pusat untuk mengharmonikan tindakan-tindakan pelbagai negara dalam mencapai matlamat-matlamat ini. PBB mempunyai badan utama iaitu Perhimpunan Agung, Majlis Keselamatan, Majlis Ekonomi dan Keselamatan, Majlis Peramanahan, Mahkamah Keadilan Antarabangsa dan Sekretariat. Sumber pembiayaan PBB adalah sumbangan dari negara anggota, yang dinilai atas skala yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung berdasarkan kemampuan negara-negara tersebut untuk membayar.</p> <p>Keluarga organisasi PBB terdiri dari Sekretariat PBB, program-program PBB dan dana – seperti Dana Kanak-Kanak PBB (UNICEF) dan Program Pembangunan PBB (UNDP) – dan agensi spesifik. Program-program dan agensi memiliki badan-badan pentadbiran dan belanjawan masing-masing, dan menetapkan standard dan panduan masing-masing. Bersama-sama mereka menyediakan bantuan teknikal dalam semua lapangan ekonomi dan ikhtiar sosial.</p>
<p><b>UNDP</b></p>	<p><b>United Nations Development Programme</b>  <u>Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu</u></p> <p><b>What is UNDP?</b>  UNDP is the UN's global development network, advocating for change and connecting countries to knowledge, experience and resources to help people build a better life.  We are on the ground in 166 countries, working with them on their own solutions to global and national development challenges. As they develop local capacity, they draw on the people of UNDP and our wide range of partners.  World leaders have pledged to achieve the Millennium Development Goals, including the overarching goal of cutting poverty in half by 2015. UNDP's network links and coordinates global and national efforts to reach these Goals. Our focus is helping countries build and share solutions to the challenges of:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="#">Democratic Governance</a></li> <li>• <a href="#">Poverty Reduction</a></li> <li>• <a href="#">Crisis Prevention and Recovery</a></li> <li>• <a href="#">Energy and Environment</a></li> <li>• <a href="#">HIV/AIDS</a></li> </ul> <p>It integrates information and communications technology for development into its work in democratic governance and poverty reduction, helping developing countries improve government accountability and service delivery.</p> <p>UNDP helps countries attract and use aid effectively. In all our activities, we</p>

	promote the protection of human rights and the <a href="#">empowerment of women</a> .
<b>UNFCCC</b>	<p><b>United Nations Framework Convention on Climate Change</b> <b>Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim</b></p> <p>The UNFCCC came into force in force in 1994 setting off a string of negotiations, which ultimately led to the introduction of flexibility instruments to combat the burgeoning rise in greenhouse gas (GHG) emissions. It was acknowledged that industrialized countries with higher per capita emissions than those in most developing countries would have greater capabilities to address climate change problems. In this regard, the UNFCCC explicitly states that all Parties should have '<i>common but differentiated responsibilities</i>' in the course of protecting the climate system.</p>